

03

Kajian Pembelajaran: Penggunaan Rutin Berfikir AMAKB dan Fikir-Tulis dalam Pengajaran Lisan

Nur Azah Ismail

nur_azah_ismail@moe.edu.sg

Farrah Mohamed Ghazali


farrah_mohamad_ghazali@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Woodgrove

Abstrak

Berdasarkan pemantauan guru, pelajar secara amnya kurang berupaya untuk mengembangkan dan menyampaikan isi secara berstruktur semasa melakukan penyampaian secara lisan. Akibatnya, prestasi pelajar dalam peperiksaan lisan juga terjejas. Bagi mengatasi masalah ini, dua rutin berfikir, iaitu Fikir-Tulis dan Mengapa Awak Berkata Begitu telah diperkenalkan untuk mencabar dan merangsang kekefektifan pelajar semasa menjana dan memperkukuh idea secara berstruktur. Pendekatan Kajian Pembelajaran (KP) yang berlandaskan kepada Teori Variasi telah digunakan untuk memantau pengajaran dan pembelajaran lisan pelajar. Dapatan awal menunjukkan pengaplikasian KP telah membantu pelajar untuk belajar secara berkesan kerana guru dapat melaksanakan pengajaran berdasarkan keperluan pelajar.

Kata Kunci: rutin berfikir, kajian pembelajaran, teori variasi, berstruktur




PENGENALAN

Kemahiran bertutur merupakan salah satu daripada kemahiran asas bahasa yang perlu dikuasai pelajar. Kemahiran ini juga menjadi teras pemerolehan dan penguasaan bahasa. Setiap pelajar yang dapat menguasai kemahiran bertutur perlu memperkasakan kemahiran ini agar pelajar dapat menggunakan bahasa Melayu dengan fasih, lancar, cekap dan yakin serta dapat dijadikan sebagai satu kayu ukur bagi menentukan pencapaian pelajar itu dalam subjek bahasa Melayu.

Dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah, sekiranya penguasaan bahasa Melayu itu baik, maka pelajar diyakini dapat mencapai markah cemerlang dalam subjek Bahasa Melayu. Namun, dengan terdapat perubahan format peperiksaan lisan, guru terpaksa mengubah cara-cara menyokong pembelajaran pelajar. Format penilaian komponen lisan yang baharu menuntut pelajar agar dapat berkomunikasi dengan fasih, lancar, cekap dan yakin serta berupaya berfikir secara spontan. Pada masa yang sama, pelajar harus berupaya mengatur isi secara berstruktur.

PERNYATAAN MASALAH

Berkomunikasi secara fasih dan yakin dalam bahasa Melayu merupakan salah satu hambatan bagi kebanyakan pelajar untuk cemerlang dalam komponen lisan. Menerusi tinjauan yang diadakan bagi kumpulan sasaran kajian pembelajaran ini, ternyata para pelajar mempunyai beberapa masalah. Antaranya, kosa kata yang terhad untuk menerangkan situasi yang terdapat di dalam video, tidak begitu memahami soalan, kesukaran mengemukakan pendapat secara berstruktur dan kurang lancar dalam penggunaan bahasa Melayu. Sekiranya masalah ini tidak diatasi, sudah pasti akan menjejaskan keseluruhan kelakonan pelajar dalam komponen lisan dan seterusnya markah keseluruhan mereka bagi subjek bahasa Melayu. Pelajar juga kurang fasih dan lancar berbahasa Melayu secara berstruktur dan ini menyebabkan mutu penyampaian lisan dan penulisan terjejas. Ini kerana apa yang pelajar fikirkan dalam minda ada kaitan dengan apa yang akan mereka tuliskan dalam proses komunikasi. Justeru, satu usaha telah dijalankan bagi membantu mengurangkan masalah pelajar tersebut yakni menerusi penggunaan dua rutin berfikir (*Thinking Routines*) dalam kajian pembelajaran (*Learning Studies*). Ini adalah untuk menggalakkan pelajar berfikir secara kritis, berupaya mengembangkan isi dan merancang jawapan secara berstruktur dan memperkaya kosa kata bersesuaian dengan tema yang terdapat di dalam klip video yang diuji.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:


1. meningkatkan keupayaan pelajar dalam mengemukakan pendapat secara berstruktur; dan
2. memperbetul masalah pelajar dalam melakukan penyampaian secara lisan tentang sesuatu topik.

KAJIAN LEPAS

Dr John Kirkman (2014) dalam kajiannya menunjukkan keberkesanan penggunaan kajian pembelajaran dalam kalangan guru bagi memperkasakan pengajaran di dalam kelas. Dengan berpandukan Teori Variasi yang digunakan dalam pelaksanaan kajian pembelajaran, ini telah membolehkan guru menganalisis topik-topik dalam sesuatu subjek itu serta memberi tumpuan pada objek pembelajaran.

Kajian pembelajaran dapat membantu guru untuk memperkembang pengetahuan yang sedia ada kerana ia memerlukan kerjasama daripada kumpulan guru itu dalam menghasilkan satu pengajaran yang baik. Guru juga berpeluang untuk bertukar-tukar pendapat dan dapat menambah nilai pada sesuatu pengajaran yang telah dilaksanakan. Hasil daripada pelaksanaan kajian pembelajaran berfungsi sebagai jambatan untuk menghubungkan apa yang guru ingin pelajar pelajari dan kepelbagaian aktiviti serta strategi yang digunakan berupaya untuk mengatasi ciri-ciri kritikal seperti yang disuarakan pelajar.

Dapatan kajian Ron Ritchhart and David Perkins (2005) dalam Projek Zero telah menunjukkan penggunaan rutin berfikir mampu menggalakkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam kelas. Penggunaan lebih daripada tiga puluh strategi rutin berfikir dalam kelas jelas menggambarkan budaya berfikir wujud dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan pelajar. Antara rutin berfikir yang digunakan ialah Lihat-Fikir-Tanya (*See-Think-Wonder*), Fikir-Tanya-Teroka (*Think-Puzzle-Explore*), Mata Kompas (*Compass Points*) dan Kaitkan-Luaskan-Cabar (*Connect-Extend-Challenge*). Pelajar aktif bertukar-tukar fikiran dan guru-guru dapat menilai cara pelajar-pelajar berfikir. Justeru, ini membolehkan guru memahami pemikiran pelajar dan dapat merancang pengajaran yang lebih bermakna serta berkesan untuk pelajar-pelajarnya.



KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan Kajian Pembelajaran. Dalam pendekatan ini, pasukan kajian perlu dibentuk. Setelah itu, pasukan kajian akan mengenal pasti aspek-aspek kritikal pembelajaran dan menetapkan objek pembelajaran sebelum rancangan pelajaran kajian direka bersama-sama sebelum dipantau. Subjek, instrumen dan prosedur kajian adalah seperti berikut.

Subjek Kajian


Subjek kajian terdiri daripada pelajar-pelajar menengah tiga ekspres yang digolongkan dalam Band 1. Jumlah keseluruhan pelajar ialah 15 orang. Pemilihan subjek dilakukan berdasarkan keputusan peperiksaan bagi komponen lisan pelajar yang kurang memuaskan. Berdasarkan lapor balik guru bagi peperiksaan lisan, kumpulan pelajar ini kurang berupaya untuk mengembangkan isi. Pengalaman sedia ada mereka juga cetek dan pelajar kerap menggunakan perkataan Inggeris semasa berbual dengan rakan.

Instrumen Kajian


Dalam Kajian Pembelajaran ini, guru telah memilih rutin berfikir sebagai instrumen kajian. Dua rutin tersebut adalah Fikir-Tulis (*Chalk Talk*) dan Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu (*What Makes you Say That*). Kajian ini ingin menilai sejauh mana kebolehan pelajar dapat disokong untuk tujuan mengembangkan isi secara berstruktur dalam lisan dengan menggunakan kedua rutin berfikir ini. Aspek kritikal yang telah dikenal pasti ialah keupayaan pelajar mengembangkan isi, mengenal pasti tema video dan menggunakan pengetahuan sedia ada. Guru juga telah menjalankan beberapa sesi kolokium praujian (lapor balik guru, borang lapor balik daripada pelajar dan keputusan lisan) dan kolokium pascaujian (lapor balik, borang lapor balik pelajar, temu ramah pelajar selepas pengajaran) untuk tujuan pengumpulan data dan menganalisis dapatan.

Prosedur Kajian

Kajian Pembelajaran ini berlangsung selama tiga bulan. Pemantauan pelajaran kajian telah dilakukan sebanyak dua kitaran kajian. Setiap kitaran akan melibatkan proses perancangan dan pelaksanaan seperti yang tertera di Rajah 1.




Rajah 1: Kerangka Kajian Pembelajaran



Pemilihan topik pelajaran pula dilakukan berdasarkan kelakonan pelajar dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun bagi komponen lisan. Untuk mengenal pasti Objek Pembelajaran dan Aspek Kritikal dalam pembelajaran lisan, guru telah menjalankan satu praujian. Praujian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana pelajar melihat objek pembelajaran dan mendiagnosis kesukaran atau keperluan pelajar ketika menduduki peperiksaan lisan. Berdasarkan dapatan daripada praujian, guru menjurus kepada kesukaran dan keperluan pelajar setelah mengenal pasti objek pembelajaran dan aspek kritikal dalam pembelajaran. Dapatan praujian mendapati pelajar mempunyai kesukaran untuk mengembangkan isi, mengenal pasti tema sesuatu topik yang diuji, tidak dapat menterjemahkan perkataan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam waktu yang singkat dan tidak mempunyai pengetahuan sedia ada tentang sesuatu topik. Setelah mengumpulkan data daripada praujian, guru dan Guru Pakar yang bertindak sebagai pembimbing merancang rancangan pelajaran yang berpusatkan pada keperluan pelajar.

Bagi kitaran kajian pembelajaran yang pertama, pengajaran kajian



telah menggunakan perkara-perkara berikut semasa pengajaran: Aktiviti Induksi – Minda Kreatif, Penggunaan Dua Rutin Berfikir – Fikir-Tulis dan Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu. Untuk Aktiviti Induksi, pelajar telah diberikan beberapa mauduk. Pelajar harus memikirkan fungsi alternatif (yang berbeza daripada fungsi asal) mauduk tersebut. Pelajar juga perlu memberikan justifikasi mengapa mereka memilih fungsi itu. Tujuan aktiviti ini adalah untuk manjana idea dan menggalakkan pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar. Kemudian, pelajar dikehendaki menonton video tentang permainan telefon bijak yang berjudul 'Mencari Pokemon'. Pelajar dikehendaki fokus pada soalan guru iaitu, 'Apakah perkara yang menarik perhatian kamu berdasarkan klip video itu?'. Secara berkumpulan, pelajar harus menggunakan rutin berfikir Fikir-Tulis yang memerlukan pelajar berfikir secara senyap sambil mencatatkan pendapat mereka di atas kertas sebak. Setelah mencatatkan pendapat mereka, guru mengajak pelajar untuk berkongsi dapatan mereka secara lisan.

Untuk soalan yang kedua, guru memperkenalkan rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu kepada pelajar. Soalan yang diajukan ialah Apakah kebaikan dan keburukan permainan telefon bijak?. Pelajar harus memberikan pendapat mereka dan menyokong jawapan mereka dengan sebab-sebab yang munasabah. Pada sesi perbincangan, guru menanyakan 'Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu' untuk menggalakkan pelajar bertutur di samping mengembangkan isi mereka. Pada akhir pelajaran, guru memberikan lembaran kerja yang tertumpu kepada tema video, lembaran percikan kata dan kebaikan dan keburukan permainan telefon bijak.

Bagi membina kitaran kajian yang kedua, segala dapatan penting yang diserlahkan semasa perbincangan atau kolokium akan diambil kira. Anggota pasukan kemudian membuat perubahan-perubahan yang perlu dilakukan untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran untuk kitaran yang kedua dapat dilaksanakan dengan lancar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada sesi kolokium, guru-guru dan pembimbing yang memantau sesi pengajaran membincangkan tentang respons pelajar terhadap objek pembelajaran, kesesuaian aktiviti dan soalan, aspek yang berjalan lancar atau sebaliknya dan tindakan yang perlu diambil untuk memperbaiki pengajaran. Guru mendapati bahawa aktiviti induksi memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir secara




kreatif dan spontan. Namun, kesinambungan aktiviti ini dengan aktiviti-aktiviti yang lain akan lebih menyerlah sekiranya guru memperkenalkan rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu di peringkat ini.

Penggunaan rutin berfikir Fikir-Tulis pula berjaya meningkatkan pelibatan pelajar terutama sekali pelajar yang bersifat lebih pendiam. Pemikiran pelajar tidak tersekat kerana guru tidak memberi pemberatan pada aspek bahasa. Pengaplikasian rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu pula telah merangsang pelajar untuk mengembangkan isi dan menyokong jawapan pelajar dengan sebab-sebab yang munasabah. Ternyata, pelajar berkemampuan untuk mengembangkan isi. Untuk memperbaiki pengajaran ini, guru digalakkan untuk memberikan lebih banyak masa untuk pelajar berfikir secara mendalam dan memberikan jawapan secara berstruktur. Lima minit yang diberikan untuk mencatatkan pendapat mereka di atas kertas sebak agak pendek. Pelajar juga harus digalakkan untuk menambah nilai respons rakan sekumpulan. Mereka juga boleh menyetujui atau tidak menyetujui pendapat rakan sekumpulan. Bimbingan, perancahan (*scaffolding*) dan pemantauan guru amat penting kerana ada pelajar yang mengambil masa yang lama untuk memberikan pendapat dan ada juga pelajar yang meniru pendapat rakan sekumpulan. Setelah tamat sesi kolokium, guru-guru dan pembimbing merangkumkan butiran-butiran dapatan dan merancang pelajaran untuk kitaran kedua.

Dalam kitaran yang kedua, bagi bahagian induksi, pelajar dapat memikirkan idea-idea kreatif apabila diberikan cabaran untuk memikirkan fungsi alternatif berdasarkan bahan yang diberi. Walaupun pada awalnya ada beberapa kumpulan yang memikirkan idea yang sama seperti fungsi asal bahan mauduk itu, setelah dibimbing guru, pelajar dapat memberikan idea baharu.

Penggunaan rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu merangsang pelajar untuk berfikir secara lebih mendalam dan berjaya menggalakkan pelajar untuk memberikan idea secara spontan. Setelah beberapa kali guru mengulangi Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu, pelajar secara automatik dapat menyokong pendapat mereka dengan pendapat-pendapat yang bernas.

Pada kitaran yang kedua, pelajar kelihatan lebih terbiasa menggunakan Fikir-Tulis. Guru mengkhususkan sesi menambah nilai pendapat rakan sekumpulan dan pelajar didapati melibatkan diri secara aktif dan menambah nilai



pendapat rakan mereka dengan yakin secara bertulis.

Berdasarkan kedua-dua kitaran kajian, objek pembelajaran dapat dicapai berdasarkan kemampuan pelajar menggunakan dua rutin berfikir dalam menjana dan menilai idea, keterlibatan pelajar dalam aktiviti berkumpulan dan kemampuan pelajar bertutur dengan menggunakan alasan-alasan serta contoh semasa interaksi bersama pelajar biarpun ada yang bersikap pemalu sebelum ini. Guru juga mendapati bahawa pengetahuan sedia ada pelajar berbeza-beza. Namun, jurang ini dapat dirapatkan dengan penggunaan rutin berfikir Fikir-Tulis, di mana pelajar dapat menjana idea peribadi tanpa sebarang perbincangan. Guru mendapati pelajar selesa dengan cara ini. Penambahan nilai yang dilakukan rakan-rakan sekumpulan juga dapat diterima kerana tiada tekanan yang dirasakan jika dibandingkan dengan perbincangan secara terbuka. Temu ramah yang dilakukan dengan pelajar juga menyokong keberkesanan rutin berfikir Fikir-Tulis dan Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu. Pelajar-pelajar 3E mengatakan bahawa penggunaan rutin berfikir telah berjaya membantu mereka mengembangkan idea, memberi jawapan secara berstruktur dan melahirkan idea dengan mendalam. Borang lapor balik daripada pelajar setelah melalui dua kitaran juga menyokong kajian ini. Sila rujuk Rajah 2 bagi respons yang diberikan pelajar. Rajah 3 pula merujuk kepada transkripsi bagi sesi temu ramah yang dilakukan pengkaji setelah kitaran kajian pembelajaran dilaksanakan.

Rajah 2: Borang Lapor Balik Pelajar

Tandakan ✓ berdasarkan pada pernyataan-pernyataan yang berikut.	Setuju dan Sangat Setuju (%)
Saya menggunakan Rutin Berfikir 'Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu' sewaktu menjana idea.	54.5
Saya dapat menjawab soalan lisan dengan lebih yakin apabila saya menggunakan Rutin Berfikir.	63.7
Saya dapat mengembangkan isi dengan lebih mendalam apabila saya menggunakan Rutin Berfikir.	81.8
Rutin Berfikir 'Fikir-Tulis' memberikan saya masa untuk berfikir dan menjana idea.	60
Rutin Berfikir dapat membimbing saya untuk menjawab soalan lisan secara berstruktur.	60
Rutin Berfikir ialah satu teknik yang memberi manfaat kepada saya.	66.7




Rajah 3: Temu Ramah bersama Pelajar

Pelajar A	Selalunya idea semasa pertuturan (lisan) tidak dapat dikembangkan kerana kesuntukan masa. Dengan menggunakan 'Mengapa saya berkata begitu', saya dapat menyampaikan idea saya dengan lebih baik.
Pelajar B	Dengan menggunakan rutin berfikir 'Fikir-Tulis' saya dapat memberikan idea saya sendiri. Kini saya berasa lebih mahir dan dapat mengembangkan idea saya semasa ujian lisan nanti.
Pelajar C	Rutin Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu membantu saya berfikir dengan spontan dan dapat menjana banyak idea. Rutin ini juga membantu saya memilih idea yang relevan sahaja.
Pelajar D	Rutin Fikir-Tulis dapat membantu saya menghasilkan banyak idea dan ini memberi saya keyakinan menjawab soalan-soalan lisan. Jika dahulu saya boleh menjawab soalan tetapi tidak dapat mengembangkan idea. Kini saya mampu mengembangkan idea saya dengan menggunakan rutin 'Fikir-Tulis' ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Kajian Pembelajaran yang dilaksanakan berjaya menepati keperluan pelajar. Praujian yang diberikan kepada pelajar membantu guru untuk mengenal pasti keperluan serta kesukaran pelajar dalam sesebuah topik bagi kemahiran lisan. Berbekalkan dapatan ini, guru dapat mendiagnosis aspek kritikal dan merancang pelajaran yang menepati keperluan pelajar. Pemantauan dan sesi kolokium membawa kepada penambahbaikan pengajaran untuk kitaran yang selanjutnya. Kajian ini telah membolehkan guru membantu pelajar memberikan idea secara lisan dengan lebih baik jika dibandingkan dengan kelakonan mereka sebelum ini.

Untuk pembangunan profesional guru pula, Kajian Pembelajaran memberi peluang kepada guru untuk bertukar-tukar idea dan ilmu bagi memperkasakan pengetahuan guru. Fokus yang diberikan kepada pemikiran dan pembelajaran pelajar amat berguna. Guru mempunyai gambaran keseluruhan tentang ragam, sikap dan keterlibatan pelajar di dalam kelas. Kajian Pembelajaran ini memberi peluang kepada guru untuk mewujudkan budaya kolaboratif untuk terus mereka, menilai dan memperbaiki pengajaran bagi meningkatkan pembelajaran pelajar. Lanjutan daripada itu, adalah perlu untuk Kajian Pembelajaran diteruskan dengan



adanya pelibatan guru pakar untuk terus membimbing dalam melaksanakan Kajian Pembelajaran.

Guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Noraini Washil
2. Siti Aisyah Sa'id

RUJUKAN

Ritchhart, R., Church, M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass

Cheng, E. C. and M. L. Lo (2013), "Learning study: Its Origins, Operationalisation, and Implications", OECD Education Working Papers, No. 94, OECD Publishing. Dipetik pada 24 Januari 2018 daripada <http://dx.doi.org/10.1787/5k3wjp0s959p-en>

<https://www.birmingham.ac.uk/Documents/college.../U21-learning-study-report.pdf>

Nota-nota daripada Kursus Kajian Pembelajaran oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (2017)

Nota-nota daripada Kursus Learning Study Workshop oleh Academy of Singapore Teachers (AST) (2016)

